

Saintis UPM cipta Robo-REST

» Mesin mampu kurangkan kehilangan minyak sawit

Oleh Syalikha Sazili
syalikha@bh.com.my

■ Serdang

Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) sekali lagi tampil menghasilkan produk berinovasi yang mampu menjimatkan jutaan ringgit dalam proses pelearian minyak kelapa sawit.

Rapid Equilibrated Sterilization atau Robo-REST adalah mesin teknologi menggunakan tekanan wap tinggi yang dapat mengurangkan kehilangan minyak kelapa sawit dalam kuantiti banyak, sekali gus penghasilan produk dapat dimaksimumkan.

Percepat proses pensterilan

Teknologi hasil ciptaan Profesor Dr Abdul Azis Ariffin itu juga dapat mempercepatkan proses pensterilan dan pelearian buah kelapa sawit dengan cepat iaitu hanya dalam tempoh 45 minit.

Abdul Azis berkata, kaedah asal yang digunakan mengambil masa satu hingga dua jam dan teknologi itu berupaya menjimatkan kos elektrik, pe-



Ketua Pengarah Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Dolphin Application Sdn Bhd, Gregory L Foster (kanan) **memberi penerangan mengenai mesin Robo-REST** kepada Abu Bakar (duduk) sambil dipehatikan Abdul Azis (dua kanan) ketika majlis prapelancaran Robo-REST, di Serdang, semalam.

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

masangan serta pengeluaran kelapa sawit.

"Penghasilan minyak kelapa sawit perlu melalui tiga proses utama iaitu persiapan, ekstraktif dan penulenan. Proses pertama sangat penting kerana kita perlu pastikan pensterilan tandan buah segar untuk mudah ditanggalkan," katanya ketika majlis prapelancaran Robo-REST, di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis itu,

Timbalan Menteri Teknologi, Sains dan Inovasi (MOSTI), Datuk Abu Bakar Mohamad Diah dan Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Penyelidikan menguntungkan

Abu Bakar berkata, kementeriannya sentiasa menggalakkan penyelidik tempatan menghasilkan produk berinovasi yang bukan saja boleh dipasarkan ke pasaran tempatan, tetapi

juga ke peringkat antarabangsa.

"Aspek utama dalam penghasilan produk adalah ia dapat dikomersialkan kerana kita mahu penyelidik ini bukan sekadar menghasilkan produk yang canggih, tetapi juga boleh mendatangkan keuntungan kepadanya," kata dia.

Beliau berkata, produknya siap sepenuhnya tahun depan dan akan dipasarkan ke kilang tempatan dan juga luar negara seperti negara pengeluar kelapa sawit.

